



## Temu duga: Menonjolkan personaliti calon (Bahagian 1)

**B**eberapa perkara perlu diberi perhatian sewaktu menghadiri temu duga membabitkan emosi, pemikiran dan perlakuan calon. Ini termasuk ketenangan diri, sikap, penampilan, cara duduk, kemahiran komunikasi, cara menjawab soalan serta hubungan mata.

Sesi temu duga memberi peluang kepada penemu duga melihat ciri personaliti calon yang mungkin sesuai dengan jawatan yang dipohon memandangkan kelayakan akademik telah diketahui berdasarkan resume yang dihantar.

### Tiba awal

Pada hari temu duga rancang perjalanan dengan tiba di organisasi itu 30 minit lebih awal supaya calon mempunyai masa menenangkan diri dan bersiap sedia daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Selain itu, bertujuan mengelak daripada terperangkap dalam kesesakan lalu lintas jika temu duga itu diadakan di bandar besar seperti Kuala Lumpur, namun jika terlewat hubungi pihak penemu duga mengenaikannya dan mohon maaf atas masalah itu.

### Bersopan

Bersopan terhadap staf seperti memberi salam

dan senyuman berada di organisasi itu. Walaupun tidak kenal kemungkinan mereka bakal menjadi ketua atau orang yang boleh mempengaruhi peluang calon mendapatkan pekerjaan itu.

Pastikan calon mendapat nama dan jawatan penemu duga yang betul daripada pegawai yang mengurus temu duga itu. Sebagai tanda hormat calon pastikan panggilan hormat dan gelaran yang betul untuk penemu duga seperti 'Yang Berbahagia Datuk, Tuan atau Puan'.

Tunjukkan tabiat terbaik yang dimiliki sepanjang proses temu duga. Bersopan santunlah sewaktu bertutur dan berbicara dengan penemu duga. Gunakanlah bahasa yang baik dan positif. Pastikan calon berkomunikasi dengan baik dan gunakanlah kebijaksanaan ketika

proses temu duga. Kesopanan dalam berbahasa melambangkan peribadian calon.

### Tanggapan pertama

Proses temu duga dianggap bermula apabila anda melangkah masuk ke bilik temu duga, berjabat tangan, ketika duduk, ketika ditemu duga dan ketika melangkah keluar. Ketika masuk ke bilik temu duga, berilah salam atau ucapkan 'selamat pagi' atau 'selamat petang'. Bagi menunjukkan calon seorang yang faham mengenai kesopanan, duduk setelah dijemput berbuat demikian di kerusi yang disediakan. Kemudian, duduklah dengan selesa dan sopan. Berikan tumpuan kepada sesi temu duga yang dijalankan itu.

Mereka dapat melihat sama ada calon kelihatan yakin, beradab sopan serta mesra. Oleh itu, calon harus mempersiapkan diri secara luaran dan dalaman.

### Bertenang

Perkara paling penting ketika temu duga ialah ketenangan walaupun agak sukar dilakukan.



menggambarkan calon begitu bersemangat, teruja dan bersedia untuk ditemu duga. bagaimanapun, pastikan tapak tangan calon kering sebelum bersalam dengan penemu duga.

### Bersikap positif

Sebagai orang yang pandai lagi berilmu calon seharusnya bersikap positif, terbuka, tenang dan yakin apabila berhadapan dengan penemu duga. Sebaliknya, ketakutan, kegelisahan dan darah gemuruh akan memberi tekanan serta kesan negatif kepada penumpuan calon ketika temu duga.

### Senyuman

Tampilkan wajah yang ceria dan disenangi. Tunjukkan keikhlasan calon ketika bercakap sambil memberikan senyuman. Jangan memberi senyuman selain daripada senyuman ikhlas. Senyuman mampu mengurangkan tekanan dan 'memecah' halangan dengan penemu duga.

### Penampilan

Penampilan calon perlu kemas dan rapi. Kenakan pakaian yang

bersesuaian dengan pekerjaan yang dipohon. Jangan berpakaian secara keterlaluan atau menjolok mata.

Penampilan diri sangat mustahak kerana ia adalah penilaian pertama penemu duga. Penampilan diri yang menarik mampu meningkatkan keyakinan pihak bakal majikan terhadap keupayaan calon. Penampilan diri ini merangkumi aspek fizikal, mental dan sosial calon.

### Duduk dengan selesa

Ketika ditemu duga, duduklah dengan selesa sambil badan ditegakkan dan wajah menghadap penemu duga, manakala kaki dan lutut dirapatkan sedikit supaya kelihatan sopan.

Calon wanita boleh menyerongkan kaki ke sebelah kanan atau kiri. Tangan hendaklah diletakkan di atas paha. Lelaki pula sesuai meletakkan tangan di atas lengan kerusi.

### Mendengar dengan teliti

Beri perhatian kepada setiap soalan yang ditanya oleh penemu duga. Cuba fahami soalan supaya calon dapat menjawab dengan betul dan tepat. Sekiranya kurang jelas, mohon diulangi soalan itu.

Bersambung...

### Bersalaman

Bersalam secara erat